



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## **GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL**

## **JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN**

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Edisi 2023**

## **GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI PENERBITAN JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP**

### **1.0 OBJEKTIF**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan terbitan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **2.0 PENGENALAN**

- 2.1 Sumbangan artikel bagi Jurnal Penyelidikan Pendidikan BPPDP adalah terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) seluruh Malaysia.
- 2.2 Artikel yang ditulis adalah berdasarkan kepada hasil kerja penyelidikan terkini dalam bidang pendidikan yang menghasilkan penemuan, kaedah atau aplikasi baharu.

### **3.0 SYARAT PENERIMAAN**

- 3.1 Artikel yang ditulis merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya sama ada di dalam atau luar negara.
- 3.2 Artikel hendaklah disediakan dalam bentuk **Microsoft Word (softcopy)** dan mengikut format seperti yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga Perkara 6.0.
- 3.3 Artikel (softcopy) perlu dihantar kepada urusetia bersama-sama borang (**Lampiran A** dan **B**) yang telah diisi lengkap ke alamat e-mel [jurnal.bppdp@moe.gov.my](mailto:jurnal.bppdp@moe.gov.my). Tarikh tutup penghantaran artikel ialah pada **31 Mac 2023**.

### **4.0 FORMAT PENULISAN**

- 4.1 Artikel ditulis sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 4.2 Panjang artikel ialah di antara 4000 hingga 5000 patah perkataan atau tidak melebihi 15 muka surat (tanpa rujukan). Artikel perlu ditulis menggunakan *font Arial, justified*, dan menggunakan jarak langkau 1.0 (*single spacing*).

4.3 Artikel mestilah ditaip di atas kertas bersaiz A4 menggunakan jidar berikut:

- a) atas: 2.54 cm/1 inci
- b) bawah: 2.54 cm/1 inci
- c) kiri: 2.54 cm/1 inci
- d) kanan: 2.54 cm/1 inci

4.4 Penerangan tentang sesuatu jadual atau rajah perlu ditulis atau dinyatakan sebelum jadual atau rajah tersebut.

4.5 Jadual atau rajah hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1/Rajah 1, Jadual 2/Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk bagi jadual dan rajah perlu ditulis di atas jadual dan rajah.

4.6 Jadual atau rajah dalam teks perlu disediakan mengikut *American Psychological Association (APA) 7th edition*.

4.7 Spesifikasi jarak langkau (*Spacing*) – Penulis juga dimohon untuk mematuhi format berikut dalam penulisan jurnal:

- a) jarak di antara nama penulis dengan tajuk artikel ialah selang satu baris;
- b) maklumat institusi penulis diletakkan di bawah nama penulis tanpa selang;
- c) jarak di antara subjudul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah selang satu baris;
- d) jarak di antara subjudul dengan baris pertama teks selepasnya ialah selang satu baris;
- e) jarak di antara setiap perenggan ialah selang satu baris;
- f) jarak di antara ayat terakhir dengan jadual, rajah atau ilustrasi ialah selang satu baris;
- g) permulaan subjudul dari jidar kiri;
- h) permulaan baris pertama setiap perenggan rapat dari jidar kiri; dan
- i) keseluruhan teks ditulis menggunakan jarak langkau 1.0.

## 5.0 ARTIKEL PERLU MENGANDUNGI PERKARA BERIKUT:

5.1 Tajuk Kajian – Ringkas dan padat.

- saiz: 12
- *bold* dan *uppercase*
- *centered*

- 5.2 Nama Penulis – Ditulis di bawah tajuk kajian
- saiz: 10
  - *bold* dan *titlecase*
  - *centered*
- 5.3 Nama institusi – Ditulis di bawah nama penulis
- saiz: 9
  - *italic* dan *titlecase*
  - *centered*
- 5.4 Abstrak – Merupakan sinopsis artikel yang padat dan ringkas. Perlu mengandungi aspek pengenalan, tujuan kajian, metodologi, dapatan dan kesimpulan. Jika artikel ditulis dalam bahasa Melayu, maka abstrak turut ditulis dalam bahasa Melayu atau sebaliknya. Format bagi penulisan abstrak adalah seperti berikut:
- tidak melebihi daripada 120 patah perkataan
  - format *italic*
  - *font* saiz 10
  - *justified*
- 5.5 Kata kunci/*keywords* – Penulis perlu menyertakan lima (5) kata kunci/*keywords* yang diletakkan di bawah abstrak. Ditulis menggunakan *font* saiz 10 dan perkataan ‘kata kunci’ ditulis secara *italic*.
- 5.6 Laporan kajian – Perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
- a) Pengenalan / *Introduction*
    - latar belakang kajian
    - tinjauan literatur
    - tujuan kajian
  - b) Metodologi / *Methodology*
    - reka bentuk kajian
    - sampel kajian
    - instrumen kajian
    - kaedah pengukuran
    - analisis data
  - c) Dapatan Kajian / *Results*
  - d) Perbincangan / *Discussion*
  - e) Kesimpulan / *Conclusion*
  - f) Penghargaan / *Acknowledgment* (jika perlu) - ditulis tidak melebihi daripada 50 patah perkataan pada bahagian akhir artikel

Subjudul bagi setiap bahagian di atas perlu ditulis dengan huruf besar (*uppercase*) dan *bold*

- 5.8 Rujukan – Senarai rujukan perlu selari dengan *citation* yang terdapat dalam teks. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut *American Psychological Association (APA) 7th Edition*. Rujukan ditulis menggunakan huruf bersaiz 12.

## 6.0 HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan BPPDP adalah menjadi hak milik mutlak BPPDP. BPPDP berhak menerbitkan semula artikel ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

## 7.0 PENUTUP

Penulisan artikel mestilah mematuhi format yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga 6.0. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis. Contoh artikel jurnal yang lengkap adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekiranya penulis **tidak menerima** sebarang maklum balas daripada pihak kami **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup**, bermakna artikel berkenaan **tidak dipilih untuk diterbitkan**.

## LAMPIRAN 1

### PENGARUH PELAKSANAAN PENDIDIKAN SIVIK MELALUI KURIKULUM KE ATAS PEMBENTUKAN PERWATAKAN MURID

Saiz 10,  
*bold,*  
*titlecase*  
&  
*centered*

Te Tie Seng, Suzana Ahmad, Hani Meryleina Ahmad Mustafa,  
Norazlilah Md. Nordin, Ura Pin @ Chum

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM

Saiz 12,  
*bold,*  
*uppercase*  
&  
*centered*

Saiz 9  
*titlecase*  
&  
*centered*

#### ABSTRAK

Selang  
satu baris

Pendidikan sivik yang diperkenalkan sejak Jun 2019 dilaksanakan secara holistik dengan berfokus kepada pembentukan perwatakan murid melalui nilai teras kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan. Dalam hal ini, pihak sekolah diberikan peranan untuk melaksanakan pendidikan sivik secara bersepada dan holistik melalui kurikulum, kokurikulum, perhimpunan sekolah dan program sekolah. Bagi komponen kurikulum, pendidikan sivik dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti pelaksanaan pendidikan sivik melalui komponen kurikulum dan pengaruhnya ke atas pembentukan perwatakan murid. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengutip data kajian. Persampelan rawak berstrata digunakan untuk memilih sampel dalam kalangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah. Seramai 2,610 orang guru terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan pendidikan sivik melalui kurikulum dan pembentukan perwatakan murid adalah pada tahap sederhana tinggi. Analisis regresi menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan sivik melalui komponen kurikulum menyumbang 16.2 peratus ke atas pembentukan perwatakan murid. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pihak berkepentingan tentang tahap pelaksanaan pendidikan sivik melalui komponen kurikulum dan seterusnya langkah yang sewajarnya boleh diambil untuk meningkatkan keberkesanannya pelaksanaan pendidikan sivik.

Saiz 10,  
*italic*

Kata kunci: pendidikan sivik, kurikulum, nilai teras, pembentukan perwatakan murid

Saiz 10

#### 1.0 PENGENALAN

Saiz 12,  
*bold &*  
*uppercase*

Nilai murni sentiasa diberikan perhatian dalam sistem pendidikan negara kita, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan individu holistik yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Penekanan kepada nilai murni terus diberi tumpuan penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu dalam Anjakan Tiga: Melahirkan Rakyat yang Menghayati Nilai (KPM, 2013).

Saiz 12 &  
*justified*

#### 2.0 METODOLOGI

Selang  
satu  
baris

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengumpul data. Pemilihan sampel daripada populasi guru di Malaysia untuk kajian ini adalah berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata mengikut zon dan lokasi. Soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A: Demografi Responden; Bahagian B: Pelaksanaan Pendidikan Sivik melalui Kurikulum; dan Bahagian C: Pembentukan Perwatakan Murid. Nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk pelaksanaan pendidikan sivik melalui kurikulum adalah 0.968 manakala nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk pembentukan perwatakan murid adalah 0.982. Perincian instrumen soal selidik adalah seperti dalam Jadual 1.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan 2,610 orang responden guru. Daripada 2,610 orang responden guru, sebanyak 54.94 peratus (1,434 orang) responden guru adalah dari sekolah rendah manakala 45.06 peratus (1,176 orang) adalah dari sekolah menengah. Seterusnya, sebanyak 68.66 peratus (1,792 orang) responden guru adalah dari bandar manakala 31.34 peratus (818 orang) adalah dari luar bandar. Dari segi jantina, sebanyak 22.11 peratus (577 orang) responden guru adalah lelaki manakala 77.89 peratus (2,033 orang) responden guru adalah perempuan.

Jadual 1 } Selang satu baris

Instrumen Kajian

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item	Nilai Piawai Cronbach's Alpha
A	Demografi Responden	8	-
B	Pelaksanaan Pendidikan Sivik melalui Kurikulum	20	0.968
C	Pembentukan Perwatakan Murid	14	0.982

Contoh penulisan jadual

### 4.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, pelaksanaan pendidikan sivik melalui kurikulum adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini bermakna pelaksanaan pendidikan sivik melalui kurikulum adalah belum menyeluruh. Salah satu faktor yang menyumbang kepada ketiadaan pelaksanaan yang menyeluruh ialah kekurangan pengetahuan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik kini. Perkara ini dapat dilihat daripada dapatan kajian ini yang menunjukkan lebih daripada 80 peratus guru menyatakan bahawa mereka tidak mendapat latihan untuk mengajar pendidikan sivik.

### 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan pendidikan sivik melalui komponen kurikulum belum mencapai tahap yang memuaskan. Dapatan kajian ini menunjukkan guru masih kekurangan pengetahuan tentang pedagogi dan pentaksiran sivik yang sesuai. Bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan sivik, murid perlu diberi latihan amali atau praktikal dan bukan hanya bergantung pada teori semata-mata. Selain itu, keberkesanan pelaksanaan pendidikan sivik juga memerlukan pelibatan semua pihak termasuk komuniti, masyarakat dan agensi luar.

### RUJUKAN

- Heyneman, S. P., & Stern, J. M. (2014). Low-cost private schools for the poor: What public policy is appropriate? *International Journal of Educational Development*, 35, 3-15.
- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N., & Ghani, M. F. A. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44-70.

Contoh penulisan rujukan.  
Sila rujuk APA 7<sup>th</sup> edition

**LAMPIRAN A****BORANG MAKLUMAT PENULIS ARTIKEL  
JURNAL PENYELIDIKAN BPPDP JILID 24/2023****TAJUK ARTIKEL:** .....

PENULIS	NAMA (Seperti dalam Kad Pengenalan)	NAMA DAN ALAMAT TEMPAT BERTUGAS/INSTITUSI	ALAMAT RUMAH	NO. TELFON BIMBIT	E-MEL
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

## LAMPIRAN B

Nombor Siri:

(Untuk kegunaan urus setia)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

### PENGAKUAN PENULISAN ARTIKEL JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP JILID 24/2023

#### TAJUK ARTIKEL:

Saya ..... bernombor  
kad pengenalan ..... dengan ini mengakui  
bahawa:

- 1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.**
- 2. Artikel yang dihantar adalah hasil penulisan saya (sebagai penulis utama/bersama).**
- 3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan.**
- 4. Bersetuju bahawa artikel ini akan menjadi milik penerbit untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.**

Tandatangan : .....

Tarikh : .....